

**NO. SOALAN: 403**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR]**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa ramaikah bilangan imam-imam yang ditaja untuk menunaikan fardu haji oleh kerajaan dan berapa ramaikah di antaranya adalah dari Sabah dan khususnya dari Sepanggar.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Khas Haji tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) atau ringkasnya Program Khas telah dimulakan pada tahun 2011. Ia merupakan program penghantaran jemaah yang terdiri daripada imam dan pemimpin masyarakat untuk menunaikan fardhu haji di Tanah Suci. Individu tersebut dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Khas berdasarkan

kriteria tertentu dengan syarat utama mereka belum pernah menunaikan haji.

Sehingga 2016, bilangan keseluruhan jemaah haji Program Khas ini adalah berjumlah 4,611 orang yang terpilih dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, jemaah haji Program Khas dari Negeri Sabah adalah seramai 354 orang. Jemaah dari Sepanggar adalah sebahagian daripada jemaah dari Kota Kinabalu yang berjumlah 119 orang.

Sekian, terima kasih.